

ANALISA KES-KES BERKAITAN HIBAH-PERMASALAHAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH

ANALYSIS OF CASES RELATED TO HIBAH: ISSUES AND COURT DECISIONS

ⁱ * Syaryanti Hussin, ⁱⁱ Zahari Mahad Musa, ⁱⁱⁱ Adzidah Yaakob, ^{iv} Hasnizam Hashim, ^v Nabilah Yusof, ^{vi} Aiman Izzuddin Jamaluddin, ^{vii} Mohd Amirul Fifie Alias, ^{viii} Mohd Amirul Aman, ^{ix} Tengku Nur Nabella Tengku Norizan & ^x Lina Mysarah Amiyamin

^{i, ii, iii, iv, v} Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 78100 Nilai, Malaysia
^{vi, vii, viii, ix, x} Pelajar Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP), Fakulti Syariah dan Undang-undang, Sesi Akademik 2023/2024. Universiti Sains Islam Malaysia, 78100 Nilai, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: syaryanti@usim.edu.my

ABSTRACT

According to Islamic law, hibah is an important instrument in estate planning. Hibah refers to the act of giving a gift to someone out of love and affection without expecting anything in return. It is regarded as a highly encouraged instrument, and when practised correctly in accordance with the requirements of the Shariah, it can prevent disputes and conflicts over property. In addition, hibah can serve as a means to assist individuals in need, including those who may not be entitled to inheritance through faraid. There is a common misconception that practising hibah contradicts the rules of faraid. This assumption is inaccurate because hibah has its own legitimate position and function within Islamic law. Nevertheless, this instrument remains relatively less known compared to other estate planning mechanisms. Furthermore, some Muslims assume that only wills (wasiat) and faraid are the best methods for managing and planning inheritance, resulting in hibah receiving less attention.

Keywords: Hibah, Islamic Law, Inheritance, Estate Planning.

ABSTRAK

Menurut undang-undang Islam, hibah merupakan salah satu instrumen penting dalam perancangan harta. Hibah membawa maksud pemberian hadiah yang diberikan kepada seseorang atas dasar kasih sayang tanpa mengharapkan balasan daripada orang tersebut. Hibah dilihat sebagai satu instrumen yang amat digalakkan jika ia dipraktikkan dengan cara yang betul mengikut kehendak syarak, maka ia mampu mengelakkan berlaku pertelingkahan dan perebutan harta. Selain itu, hibah juga dapat membantu golongan yang memerlukan dan golongan yang mungkin tidak berhak melalui faraid. Terdapat tanggapan bahawa dengan melakukan hibah maka ia telah menyalahi ketetapan hukum faraid. Tanggapan ini tidak tepat kerana instrumen ini juga sebenarnya diberi fokus dan tempatnya yang tersendiri di dalam Islam. Walau bagaimanapun instrumen hibah ini agak kurang dikenali berbanding dengan perancangan harta yang lain. Tambahan pula, segelintir masyarakat Islam menyangkakan bahawa hanya wasiat dan faraid sahaja cara yang terbaik dalam menguruskan dan merancang harta pusaka maka cara hibah ini kurang mendapat perhatian.

Kata kunci: Hibah, Undang-undang Islam, Pewarisan, Perancangan harta

Pengenalan

Artikel ini akan memberi fokus kepada analisa kes hibah yang dilaporkan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Hibah dilihat sebagai satu alternatif pengurusan harta yang boleh memupuk kasih sayang dan mencegah permusuhan. Pendapat ini disokong oleh Pengarah Seksyen Pembangunan Pusaka, Abdullah Muhammad yang mencadangkan supaya masyarakat yang terlalu jumud dengan pembahagian harta konvensional sebaliknya menggunakan kaedah hibah (Rashid & Ahmad, 2013). Sifat hibah yang berkuatkuasa serta merta tidak memerlukan proses yang rumit kerana ia dilaksanakan semasa pemberi masih hidup. Kes hibah akan diputuskan sebagai sah sekiranya memenuhi rukun hibah yang ditetapkan oleh jumhur fuqaha'. Rukun hibah, iaitu pemberi hibah, penerima hibah, barang yang dihibah dan sighthah (ijab dan qabul) adalah perkara yang dititikberatkan. Terdapat juga beberapa negeri yang memasukkan qabd sebagai aspek yang perlu ada bagi memastikan hibah berkuatkuasa. Hibah bersyarat telah banyak diguna pakai dalam aplikasi hibah di Malaysia, sedangkan syarat-syarat sighthah yang dikemukakan oleh jumhur fuqaha' mesti tidak dikenakan syarat-syarat tertentu atau tidak disyaratkan dengan tempoh-tempoh tertentu selain menitikberatkan adanya persambungan dan persamaan antara ijab dan qabul (Othman, 2017). Artikel ini mengemukakan kes- kes hibah dengan syarat yang telah diputuskan di Mahkamah turut dikemukakan, di samping asas pegangan Hakim Syarie ketika membuat keputusan.

Definisi/Konsep

Hibah adalah satu pemberian daripada satu pihak kepada pihak yang satu lagi sama ada pemberi hibah tersebut masih hidup ataupun telah meninggal dunia. Hibah dari segi bahasa adalah pemberian sama ada dalam bentuk ain atau manfaat (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, n.d.). Ain di sini adalah satu bentuk pemberian dari segi ain harta iaitu bentuk harta tersebut sebagai contoh pemberian rumah, tanah atau apa sahaja bentuk harta yang mempunyai ain atau bentuk. Manfaat pula adalah seperti wangringgit atau saham yang di mana ia haruslah ditukar atau diurus niaga barulah mendapatmanfaat dari harta tersebut. Hibah dari segi istilah pula adalah suatu akad pemberian harta yang dilakukan oleh seseorang secara sukarela kepada seseorang yang lain ketika tempoh hidupnya tanpa sebarang balasan ('iwad) (Majlis Agama Islam Selangor, n.d.). Dari segi istilah ini kita lihat bahawa dia hanya menerangkan hibah ketika hidup tetapi kini hibah juga boleh dikuatkuasakan selepas kematian pemberi hibah. Di dalam Islam, setiap perkara mengenai hukum hakam mesti mempunyai punca kuasa ataupun penguat yang boleh menjadi sandaran. Melihat kepada hibah, Allah telah mensyariatkan di dalam Al-Quran mengenai kebenaran atau kebolehan dalam melakukan hibah. Berdasarkan surah Al-Baqarah ayat 177:

لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنَى السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى

الزَّكَاةَ وَالْمُؤْتُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٨٠﴾

Yang bermaksud: *Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayangnya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa.*

Seterusnya kita boleh lihat juga sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Tarmizi yang bermaksud “*Saidatina Aisyah berkata yang bermaksud: “Nabi SAW menerima dan membalas hadiah”*”. Daripada dua ayat ini jelas bahawa Islam membenarkan hibah atau maksud mudahnya hadiah daripada seseorang kepada seseorang yang lain. Hibah ini juga amatlah digalakkan sekiranya sesuatu pasangan itu tidak mempunyai anak dan khuatir akan keadaan isteri atau suaminya jika ia meninggal dunia dahulu. Keadaan ini amat membimbangkan kerana jika suami meninggal dahulu, isteri hanya akan dapat bahagian yang sedikit melalui konsep faraid. Selain itu, hibah terbahagi kepada tiga jenis iaitu Hibah Mutlak, Hibah Amanah dan Hibah bersyarat (Majlis Agama Islam Selangor, n.d.). Hibah mutlak adalah hibah yang dilakukan oleh seseorang semasa hidupnya dan pemberian itu adalah berkuat kuasa serta merta dari tarikh hibah itu dilakukan (Mohamed Said, 2012). Sebagai contoh si A ingin memberikan harta kepada si B semasa si A masih hidup dan si A berniat melakukan sekarang. Apabila kedua-dua belah pihak iaitu si A dan si B setuju maka secara mutlaknya harta yang ingin dihibahkan oleh si A kepada si B akan bertukar milik. Kemudian, Hibah amanah pula adalah hibah yang dilakukan melalui syarikat seperti contoh ASB atau Tabung Haji (Lembaga Tabung Haji, n.d.) Hibah ini akan diuruskan oleh pihak syarikat dan syarat-syaratnya ditentukan syarikat. Akhir sekali adalah Hibah Bersyarat. Hibah bersyarat adalah hibah yang dilakukan selepas kematian pemberi hibah (Ahmad, 2017). Hibah ini biasanya diamalkan di Malaysia dan ianya terbahagi kepada Hibah Ruqba dan Hibah Umra. Konsep ini adalah konsep hibah yang mana jika si pemberi masih hidup maka harta akan kekal kepada si pemberi dan harta hanya akan berubah milik selepas kematian si pemberi.

Peruntukan Undang-undang Berkaitan Hibah Di Malaysia

1. Perlembagaan Persekutuan

Menurut perlembagaan Persekutuan peruntukkan yang tidak terdapat sebarang peruntukkan yang menyebut mengenai hibah secara khusus akan tetapi terdapat satu terma yang merujuk kepada hibah di dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri memperuntukkan seperti berikut:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahataran, penjagaan, alang.....”

Menurut Kamus Dewan dan Bahasa Edisi Keempat berasal dari istilah tradisional iaitu alangan ataupun hadiah atau pemberian. Merujuk kepada kes *Latifah Mat Zin v Rosmawati Sharibun & Lain-lain*. Hibah di dalam kes in telah ditafsirkan oleh Mahkamah Sivil sebagai “**gift inter vivos**”.

2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri Di Malaysia

Terdapat pelbagai tafsiran berkaitan hibah seperti yang diperuntukkan di dalam Enakmen-Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia. Terdapat empat terma yang digunakan oleh negeri-negeri di Malaysia yang merujuk kepada hibah antaranya:

TERMA

NEGERI YANG MENGGUNA PAKAI

(a) Hadiah atau Alang

Wilayah Persekutuan (Akt Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1993, s. 46(2)(b)(v)–(vi)), Melaka (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka), 2002, s. 49(3)(b)(iv)), Selangor, (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003, s. 61(3)(b)(iv)), Johor (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor), 2003, s. 61(3)(b)(iv)), Perak (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004, s. 50(3)(b)(vi)), Pulau Pinang (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang), 2004, s. 61(3)(b)(iv)), Terengganu (Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu), 2001, s. 11(3)(b)(iv)), Kedah (Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman), 2008, s. 13(3)(b)(iv)), Sarawak (Ordinan Mahkamah Syariah (Negeri Sarawak), 2001, s. 10(3)(b)(iv)), Sabah (Enakmen Mahkamah Syariah, 2004, s. 11(3)(b)(iv)) dan Perlis (Enakmen Pentadbiran Agama Islam, 2006, s. 61(3)(b)(iv))

(b) Pemberian

Pahang (Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1991, s. 47(2)(b)).

(c) Alang Hayat

Kelantan (Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Pindaan), 1998, s. 9(2)(b)(vi)).

(d) Hibah

Negeri Sembilan (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (Pindaan), 2005, s. 61(3)(b)(v)–(vi)).

3. Ahli Majlis Penasihat Institusi Kewangan Di Malaysia

Takrif hibah di dalam Kompilasi Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi Ketiga Bank Negara Malaysia (2017) mentakrifkan hibah sebagai pemberian tanpa sebarang balasan. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia juga memberi takrifan berkaitan dengan terma Hibah ruqba iaitu pemberian semasa tempoh hidup pemberi atau penerima hibah dengan syarat kematian salah satu pihak (sama ada pemberi atau penerima hibah) sebagai syarat pemilikan harta oleh pihak yang hidup. Majlis Penasihat Syariah pada mesyuarat kali ke-141 bertarikh 26 November 2013. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa keabsahan suatu hibah di bawah industri kewangan Islam yang diselia dan dikawal oleh Akta Bank Negara 2009 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 tidak dirujuk ke mahkamah syariah. Sebaliknya, kes akan diputuskan di mahkamah sivil, manakala isu syariah yang berbangkit akan diajukan kepada Majlis Penasihat Syariah untuk diputuskan (Markom, Pitchay, Zainol, Abdul Rahim, & Abdul Rahim Merican, 2013).

Analisa Kes-Kes Hibah Yang Telah Diputuskan Di Malaysia

Bagi menjamin kesahihan sesuatu kontrak atau akad hibah, kita perlu melihat kepada rukun dan syarat-syarat hibah yang telah digariskan oleh syarak dan undang-undang. Menurut Sharbini, hukum hibah terbahagi kepada tiga iaitu, yang pertama pemberi (wahib) dan penerima hibah (mawhub lahu). Kedua, akad hibah menerusi ijab dan qabul serta rukun hibah yang ketiga ialah barang yang dihibahkan itu (mawhub) (Al-Khatib al-Syarbini, 2000). Sesuatu akad hibah tidak akan terbentuk sekiranya tidak memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat hibah seperti berikut:

1. Pemberi Hibah (wahib)

Pihak yang ingin memberikan hibah mestilah sempurna akal, telah cukup umur (baligh), tidak dihalang atau ditegah dari menguruskan hartanya dan berkemampuan untuk melakukan segala urusan pentadbiran harta serta dilakukan secara sukarela tanpa sebarang paksaan. Seorang Pemberi Hibah juga mestilah seorang pemilik mutlak kepada barang atau harta yang hendak dihibahkan tersebut. Sekiranya Pemberi Hibah ialah seorang yang tidak sempurna akal, kanak-kanak, pemegang amanah, seorang yangmuflis dan seseorang yang dipaksa untuk menghibahkan hartanya, maka hibah tersebut adalah tidak sah kerana syarat bagi rukun hibah yang pertama ini tidak dipenuhi (Halim, Hj Ibrahim, & Shuaib, 2009).

2. Penerima Hibah (mawhub lahu)

Bagi pihak Penerima Hibah pula, ianya berbeza dengan Pemberi Hibah. Tiada syarat khusus yang diberikan kepada Penerima Hibah. Hal ini bermakna, Penerima Hibah boleh terdiri daripada golongan mukalaf ataupun bukan mukalaf. Sekiranya penerima Hibah merupakan golongan bukan mukalaf, harta ataupun barang yang dihibahkan tersebut boleh diberikan kepada pemegang amanahnya ataupun seseorang yang dilantik untuk menjagahartanya. Oleh itu, dapat difahami bahawa PenerimaHibah yang tidak sempurna akal, tidak cukup umur dan sebagainya tidak akan membatalkan sesuatu kontrak hibah kerana tiada syarat khusus yang diletakkan kepada penerima hibah (Muda, 2008).

3. Barang/Harta yang dihibahkan (mawhub)

Barang atau harta pemberian tersebut mestilah wujud ketika akad hibah itu berlaku, barang atau harta yang dihibahkan itu mestilah hak milik mutlak Pemberi Hibah, harta atau barang tersebut mestilah halal, bernilai di sisi syarak dan boleh dipindahmilikkan (El-Muhammady, 2006).

4. Lafaz Ijab dan Qabul (sighah)

Lafaz Ijab, iaitu memberi hendaklah dilafazkan oleh Pemberi Hibah dan qabul iaitu menerima hibah hendaklah dilafazkan oleh Penerima Hibah atau penjaga amanahnya. Lafaz ijab dan qabul boleh diucapkan secara jelas dan terang ataupun tidak langsung (kiasan).

Dalam sistem perundangan di Malaysia, undang-undang berkenaan Hibah ini tidak diperuntukkan dengan jelas dan khusus bagi mengawal prosedur dan pentadbiran hibah. Menurut Perlembagaan Persekutuan, dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, hibah ini diperuntukkan pada frasa 'pemberian' pada senarai berikut. Secara jelasnya, Mahkamah Syariah berbidang kuasa dalam menentukan keabsahan sesuatu hibah berdasarkan Perkara 74 (2) dan pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Setakat ini, kebanyakan kes hibah yang dibawa ke mahkamah syariah berkaitan pengesahan hibah, hibah ketika maradul maut dan penarikan balik hibah.

Hibah Bersyarat

Hibah yang menggunakan sighah secara idafah, tawqit, dan ta'liq dianggap sebagai hibah bersyarat (Tyabji 1949). Selain itu, hibah juga dapat dilakukan dengan menggunakan taqyid, yakni melalui akad hibah yang bergantung pada syarat tertentu. Berikut merupakan analisis kes-kes hibah bersyarat

Analisis Pelaksanaan Kes-Kes Hibah Bersyarat Di Malaysia

1. Daud B Idris Lwn Saiyah Bt Said Dan 9 Yang Lain (05100-044-0178-2010)

Fakta Kes: Dalam konteks ini, Daud memainkan peranan sebagai pemberi hibah yang bercita-cita untuk memuktamadkan memorandum persetujuan hibah yang telah diutarakan dan ditandatangani olehnya bersama-sama semua penerima hibah, iaitu isteri dan lapan anaknya pada 1 Februari 2010. Dalam memorandum tersebut, satu pernyataan menyatakan bahawa pemberian hibah akan berlaku sekiranya penerima hibah bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan. Antara syarat tersebut termasuk syarat keempat, iaitu syarat ruqba, di mana harta akan dipindahkan semula kepada pemberi hibah jika penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu. Dalam hal ini, mahkamah mempunyai keyakinan bahawa pemberi hibah, iaitu defendan yang memohon pengesahan keabsahan hibah, telah mematuhi rukun-rukun hibah. Penerima hibah dalam kes ini adalah isteri dan anak-anak pemberi hibah,

iaitu Saiyah dan sembilan lagi. Rukun kedua hibah, iaitu sighah ijab dan qabul, terkandung dalam dokumen memorandum hibah dan telah diucapkan di hadapan Tetuan Suriany & Associates.

Analisis Kes: Dalam konteks isu hibah ruqba, terdapat perspektif yang mengesahkan perjanjian hibah dan memandang perlu untuk menetapkan syarat ruqba seperti yang dinyatakan dalam pandangan al-Suyuti. Al-Suyuti berpendapat bahawa hibah dengan syarat ruqba adalah wajib, dengan menggunakan hujah bahawa larangan terhadap syarat ruqba, seperti yang terdapat dalam hadis-hadis, bukanlah larangan yang bersifat mutlak. Larangan tersebut sebenarnya bermaksud bahawa hibah dengan syarat ruqba tidak disarankan dilakukan kerana ini tidak wajar bagi menjaga kepentingan pemberi hibah. Walau bagaimanapun, penting untuk diingat bahawa pemberi hibah tetap tidak dibenarkan untuk menarik balik hibah yang telah dilakukan, sesuai dengan ketetapan dalam kaedah umum.

2. Rafizah Binti Ab Karim Dan Kamar Bin Ab Karim Dan Empat Defendan Dan Yang Lain (10100-044-0478-2011)

Fakta Kes: Ibu plaintif iaitu Lamah Binti Sa'at telah meninggal dunia pada 15 Mei 2011. Plaintif dalam tuntutan menyatakan bahawa ketika hayat ibunya, beliau telah membuat hibah secara bertulis melalui dokumen pengisytiharan hibah pada 20 Januari 2011 dengan menyatakan di dalam dokumen tersebut bahawa harta yang dihibahkan menjadi kepunyaan penerima hibah iaitu plaintif setelah ibu plaintif meninggal dunia. Hakim di dalam kes ini telah memutuskan hibah yang berkonsepkan hibah ruqba yang berlaku antara pemberi hibah dan penerima hibah melalui dokumen pengisytiharan hibah adalah sah.

Analisis Kes: Mahkamah telah merujuk kepada keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti edisi kedua halaman 141 yang mengharuskan hibah ruqba dalam Pelaksanaan Borang Akuan Hibah untuk transaksi yang melibatkan akaun bersama Tabung Unit Amanah bagi akaun yang dipegang oleh orang Islam. Namun mahkamah tidak menerangkan konsep pelaksanaan hibah ruqba dalam kes ini secara jelas. Ini berdasarkan pandangan. Hakim memutuskan hibah ruqba yang berlaku melalui dokumen pengisytiharan hibah sah dan terpakai. Pengaplikasian hibah ruqba wajar diaplikasikan dalam perancangan harta di Malaysia sebagaimana penerimaan hibah ruqba dalam takaful. Pengaplikasian hibah ruqba perlu berpandukan niat pemberi hibah supaya dapat dibezakan dengan akad pinjaman. Ini kerana dalam hibah ruqba, pemberi hibah masih mempunyai kuasa ke atas harta yang telah dihibahkan dan penerima hibah belum mendapat milikan ke atas korpus harta secara mutlak sehingga berlaku kematian satu pihak, sama ada pemberi hibah atau penerima hibah (10100-044-0478-2011).

3. Rokiah Binti Abdul Manap Lwn Nurul Izzah Bt Hamzah (05100-044-0322-2015)

Fakta Kes: Pemberi hibah, Hamzah Talib menghibahkan 1/2 bahagian hartanya kepada isteri & anak dengan syarat akuan hibah berkuat kuasa selepas kematiannya. Hibah yang telah dilakukan diakui sebagai sah, dan wang simpanan dari ASB, ASN, Bumiputera Commerce, dan Tabung Haji diarahkan untuk diberikan kepada penerima hibah dengan pembahagian 1/2 untuk setiap harta. Pemberi hibah, yang merupakan Hamzah Talib, telah menghibahkan setengah bahagian dari setiap harta kepada isteri dan setengah bahagian yang lain kepada anak, sambil menetapkan syarat bahawa pengiktirafan hibah ini akan berkuat kuasa selepas kematian pemberi hibah dan perlu mengikut hak milik penerima.

Analisis Kes: Fuqaha' mempunyai perbezaan pandangan dalam menjelaskan hibah yang dikenakan syarat untuk berkuat kuasa selepas kematian pemberi hibah. Al-Bahuti berpendapat bahawa hibah yang dikenakan syarat akan berkuat kuasa setelah kematian pemberi hibah, menyerupai konsep wasiat. Satu pemberian hak milik sesuatu harta kepada orang lain yang berlaku selepas kematiannya merupakan hibah ruqba menurut takrif Imam Abu Hanifah dan muridnya, Muhammad ibn al-Hassan.

Hibah Keatas Harta Bercagar

Hibah harta bercagar, atau dikenali dalam istilah Bahasa Inggeris sebagai 'gift inter vivos for charged property' (Mujani, Abdul Rashid, Wan Hussain, & Yaakub, 2012) dan 'collateral hibah,' melibatkan dua konsep muamalat Islam, iaitu konsep gadaian (al-rahn) dan konsep hibah (Mohamed Said, Awang, & Mohd Nor, 2012). Dengan kata lain, hibah harta bercagar ini adalah hasil gabungan dua elemen, iaitu harta yang dikenakan cagaran dan proses pemberian hibah itu sendiri.

Analisis Pelaksanaan Kes-kes Hibah Bercagar

1. Awang Bin Abdul Rahman Lwn. Shamsuddin Bin Awang Dan Zainuddin Bin Awang (Jurnal Syariah, 8(1), 101–136.)

Fakta Kes: Plaintiff telah mengemukakan tuntutan terhadap sebidang tanah yang terdaftar atas nama bapa tirinya sebagai harta sepencarian ibunya yang telah meninggal dunia. Plaintiff menyatakan bahawa setelah kematian ibunya, bapa tirinya memberitahu bahawa setengah bahagian tanah telah diberikan kepada ibu plaintiff. Mahkamah dalam memutuskan kes ini tidak dapat mengesahkan pemilikan tanah yang merujuk kepada keterangan Gerai Mukim 2283 yang menyatakan bahawa tidak ada perjanjian hibah antara Abdul Rahman bin Ismail (Awang bin Ismail) dengan Awang bin Abdul Rahman.

Analisis Kes: Untuk memastikan keabsahan sesuatu hibah menurut hukum syarak, perlu memenuhi rukun-rukun hibah. Antaranya, pemberi hibah haruslah memiliki kebebasan menguruskan harta miliknya dan penerima hibah perlu mempunyai keahlian untuk menguruskan harta tersebut. Dalam konteks ini, pemberi hibah (bapa tiri plaintiff) tidak memenuhi syarat kebebasan menguruskan hartanya kerana harta tersebut telah digadaikan kepada bank semasa aqad hibah berlaku. Selain itu, penerima hibah (ibu plaintiff) juga telah meninggal dunia pada masa hibah dibuat, yang bermakna beliau tidak lagi memiliki keahlian untuk menguruskan harta tersebut.

2. Raihanah Binti Mohd Ali Lwn Kamaruddin Binti Mohd Nor Dan 3 Yang Lain (Jurnal Hukum. 2008. Jld 26, Bhg 1)

Fakta Kes: Dalam kes ini, plaintiff mengajukan tuntutan bahawa si mati, Samirah bt Mohd Ali, telah menghibahkan tiga jenis harta kepada plaintiff: (i) sebuah rumah yang sedang dalam proses pembinaan di Mukim Cenering, Daerah Kuala Terengganu, melalui skim pinjaman kerajaan; (ii) takaful keluarga berkelompok; dan (iii) Takaful nasional. Rumah yang dalam proses pembinaan itu dibeli oleh si mati pada bulan Julai 1999 dengan pembelian tanah melalui skim pinjaman kerajaan. Defendan pertama, suami kepada si mati, tidak bersetuju dengan tuntutan plaintiff secara keseluruhan. Sementara itu, defendan kedua, ibu kepada plaintiff, ibu kepada si mati, ibu kepada defendan ketiga dan defendan keempat, bersetuju dengan tuntutan plaintiff. Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu dalam penghakimannya telah menolak permohonan plaintiff untuk mengesahkan hibah yang telah dibuat oleh adiknya (si mati) kepadanya atas alasan.

Analisis Kes: Tiada bukti yang menunjukkan bahawa si mati telah meminta kebenaran daripada pembiaya skim BBA (bai' bi thaman ajil) untuk membolehkannya menghibahkan hartanah tersebut kepada plaintiff. Oleh itu, kerana aspek dan rukun-rukun hibah tidak dapat dipenuhi, mahkamah menolak kes tersebut.

3. Zaiton Bin Mohamed Lwn Khursiah Jan Binti Wali Ahmad Dan Lain-lain (10300-044-0503-2014)

Fakta Kes: Dalam kes ini, Zaiton Binti Mohamed adalah isteri kepada Wali Ahmad Bin Sulaiman (si mati) yang telah meninggal dunia pada 12 Ogos 2013. Defendan-defendan adalah anak kandung mereka. Pada 2 Oktober 2014, plaintiff memfailkan tuntutan melalui firma Tetuan Khairul Masni & Associates terhadap harta yang dihibahkan, iaitu sebidang tanah bersama sebuah rumah. Si mati telah membuat hibah pada 23 September 2012 dan menandatangani Surat Ikatan Amanah Hibah di hadapan plaintiff, defendan-defendan, serta dua orang saksi di rumah mereka. Isu utama adalah tanah yang digadai sebelumnya kepada Lembaga Pelabuhan Klang. Si mati melakukan gadaian ini untuk memperoleh pinjaman bagi membina rumah. Semasa hibah dibuat, pinjaman tersebut belum diselesaikan, tetapi selepas kematian si mati, syarikat insurans menyelesaikan hutang tersebut. Asalnya, tanah tersebut dimiliki oleh si mati tanpa pinjaman. Namun, tanah tersebut digadai kepada Lembaga Pelabuhan Klang untuk membiayai pembinaan rumah. Hakim menegaskan syarat hibah, iaitu pemberi hibah perlu memiliki hak milik sepenuhnya, tidak dalam keadaan digadai, dipinjamkan, atau tidak diketahui. Hakim juga menekankan bahawa harta tersebut tidak boleh bercampur dengan milik orang lain. Dalam kes ini, tanah tersebut sebelumnya digadai dan merupakan sebahagian daripada harta yang telah dihibahkan.

Analisis Kes: Berdasarkan kes di atas, ini menunjukkan bahawa harta tersebut bukanlah milik sepenuhnya oleh si mati. Hibah yang melibatkan harta yang digadai ini boleh dianggap sah, tetapi dengan syarat pihak ketiga memahami dan memberikan izin untuk peralihan milik tersebut.

Hibah Amanah

Hibah Amanah boleh didefinisikan sebagai satu pemberian inter-vivos tanpa balasan kepada penerima hibah (benefisiari) melalui pemegang amanah (trustee) yang dilantik bagi pihak penerima hibah. Melalui hibah ini, penghibah tidak lagi mempunyai sebarang hak dan kepentingan terhadap harta selepas surat ikatan amanah (trust deed) ditandatangani. Bagi hibah melalui amanah ini, harta yang telah dihibahkan tidak akan terus dipindah milik kepada penerima hibah tetapi kepada pemegang amanah. Elemen qabd dalam hibah bentuk ini akan dilakukan oleh pemegang amanah sebagai menggantikan penerima hibah. Dari segi perundangan, pemegang amanah akan menjadi pemilik kepada harta tersebut manakala penerima hibah menjadi pemilik secara benifisial. Hibah bentuk ini biasanya digunakan untuk pemberian kepada penerima hibah yang tidak boleh menguruskan harta seperti anak yang masih di bawah umur serta penerima yang tidak sempurna akal di samping untuk tujuan kebajikan, perlindungan aset, pendidikan dan kesihatan.

Analisis Pelaksanaan Kes Hibah Amanah Di Malaysia

1. Wan Naimah v Wan Mohamad Nawawal ([1972]1LNS164)

Fakta Kes: Perayu mendakwa responden tidak membahagikan tanah pada Lot No. 396 yang dikatakan pemberian daripada si mati (ayah perayu dan responden) kepada pihak-pihak atas dasar amanah. Si mati membeli lot tersebut daripada Wan Ibrahim kemudian keseluruhan lot tersebut dipercayai berpindah milik kepada abang ipar si mati, Ahmad Haji Awang. Kemudian, Ahmad Haji Awang memindah milik lot tersebut kepada perayu (anak perempuan si mati) yang telah berumah tangga. Lot tersebut dipercayai tidak pernah berdaftar atas nama si mati sehinggalah pada tahun kematiannya 1968. Lot tersebut hanya berdaftar atas nama perayu kerana ketika itu responden masih belum cukup umur untuk mendaftar. Menurut Wan Yaacob (PW3), saksi mendakwa bahawa si mati pernah menyatakan hasrat untuk menyerahkan sebahagian lot tersebut kepada responden berdasarkan keterangan dokumen (ekshibit A). Di dalam kes ini, Hakim Suffian CJ berhujah bahawa keterangan saksi (PW3) dalam kes ini jelas menunjukkan bahawa wujud pemberian berbentuk amanah. Mahkamah memutuskan rayuan perayu ditolak. Didalam kes ini mahkamah menerima ekshibit A dan keterangan saksi sebagai pembuktian wujudnya pemberian berdasarkan dokumen perjanjian yang dibentuk dan ditandatangani oleh si mati. Defendan dan plaintif turut menandatangani dokumen perjanjian berikut.

Analisis Kes: Menerusi kes ini, kita dapat lihat walaupun dokumen pemberian dan amanah tidak dinyatakan secara jelas namun tindakan si mati jelas bertujuan untuk memberi hartanah Lot No.396 dan rumah kedai kepada plaintif dan defendan secara sama rata. Memandangkan tiada garis panduan yang khusus dalam membentuk akad hibah amanah, maka pelbagai bentuk pembuktian diterima pakai di mahkamah bagi mensabitkan wujudnya hibah amanah.

2. Jariah Binti Yahya Dan 3 Yang Lain v Nor Hasiyah Harun([2010]3LNS19)

Fakta Kes: Kes ini pada peringkat awalnya adalah kes tuntutan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah. Responden yang merupakan anak sulung hasil perkahwinan ketiga si mati. Responden menuntut di mahkamah bahawa harta si mati adalah harta hibah dan harta tersebut diberikan kepada responden dari si mati. Perayu-perayu di dalam kes ini adalah anak-anak dari perkahwinan pertama dan kedua si mati. Mahkamah Tinggi Syariah memutuskan bahawa kesemua 20 akaun di dalam harta hibah si mati adalah harta hibah kerana memenuhi rukun hibah. Mahkamah Rayuan dalam penghakiman memutuskan bahawa rayuan Perayu perayu ditolak dan perintah Mahkamah dikekalkan.

Analisis Kes: Responden mengemukakan keterangan dalam bentuk qarinah yang mana telah diterima oleh Mahkamah iaitu kewujudan 2 nama sebagai pemegang akaun iaitu nama si mati dan nama responden. Responden juga boleh melakukan transaksi dalam akaun-akaun tersebut yang mana menunjukkan bahawa responden juga adalah pemilik akaun bank. Berkekalan harta yang dihibah tanpa si mati menarik kembali keseluruhan harta yang dihibahkan daripada Responden (Akaun, Penama pada akaun, transaksi akaun semasa dan selepas kematian Si mati). Ini menunjukkan berlakunya qabd dan

pemilikan pada harta yang dihibahkan. Qabd adalah penerimaan yang membenarkan berurusan dengan harta yang diterima.

Penarikan Semula Hibah

Penarikan sesebuah hibah berdasarkan pendapat jumhur adalah, Ulama' bersepakat bahawa tidak boleh mengambil kembali barang yang disedekahnya jika telah diterima oleh orang lain atau kaum keluarga.

Analisis Kes Penarikan Semula Hibah

1. Omar Harun Lawan Abdullah Omar (Jurnal Hukum,2016:252)

isu yang dibangkitkan di dalam kes ini adalah tentang dakwaan sama ada berlaku atau tidak penarikan balik hibah. Dalam keputusan Mahkamah Tinggi Syariah, mahkamah telah meluluskan dan membenarkan permohonan plaintif (responden) untuk menarik balik 1/5 bahagian miliknya kepada defendan. Manakala dalam keputusan Mahkamah Rayuan, mahkamah telah sebulat suara menerima rayuan perayu dan membatalkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang membenarkan penarikan balik 1/5 bahagian tanah milik perayu kepada responden dan membatalkan juga perintah Pentadbir Tanah Jajahan Pasir Mas memindah hak milikperayu 1/5 bahagian tanah. Alasan keputusan mahkamah tersebut ialah, dakwaan seorang yang mendakwa itu hendaklah terang dan jelas. Dakwaan bahawa responden dipaksa juga tiada sokongan saksi. Saksi yang dikemukakan ke mahkamah ialah anak kepada responden sendiri yang tidak boleh diterima kerana ada tohmah (yang membawa manfaat).

Analisis Kes: Setelah berlakunya proses ijab dan qabul dalam konteks akad hibah, pemberi hibah mempunyai prerogatif untuk menggugurkan hibah, kecuali jika penerima hibah telah melaksanakan tindakan menerima harta tersebut. Walaupun demikian, pengecualian ini tidak berlaku dalam situasi hibah yang melibatkan pemberian harta oleh seorang bapa kepada anak anaknya.

2. Salmah Bt Che Hat Lawan Zakaria Bin Hashim ([2001]XIVJH79)

Fakta Kes: Di dalam kes ini sebidang tanah yang diberikan oleh bapa angkat (bapa saudara) kepada plaintif adalah harta sepencarian atau hibah. Bapa angkat plaintif adalah bapa saudara kepada plaintif dan defendan, iaitu pasangan sepupu yang berkahwin. Tanah diberikan ketika plaintif dan defendan masih dalam ikatan suami isteri. Setelah berlaku perceraian, bapa angkat plaintif telah menarik balik pemberian itu dan memberikan tanah itu kepada plaintif. Dalam kes ini, jelas bahawa Mahkamah tidak mengiktiraf penggunaan dan pembangunan yang telah diusahakan ke atas tanah tersebut oleh defendan dengan mendirikan sebuah rumah sebagai qabul. Dengan demikian, Mahkamah berpendapat hibah Che Mat kepada defendan tidak sah oleh sebab rukun sighth belum terlaksana dan belum sempurna.

Analisis kes: Dalam kes ini, adalah jelas bahawa Mahkamah tidak mengiktiraf langkah langkah penggunaan dan pembangunan yang telah dilakukan oleh defendan, iaitu membina sebuah rumah sebagai tanda penerimaan hibah (qabul). Selain itu, antara alasan lain untuk tidak mengiktiraf hibah tersebut adalah disebabkan aktiviti penggunaan dan pembangunan tanah telah dijalankan sebelum mendapat kebenaran daripada pemberi hibah. Ini dikaitkan dengan pendapat mazhab Syafie dan Hanbali yang menyatakan bahawa satu keizinan daripada pemberi hibah adalah syarat utama untuk menerima hibah atau harta yang dihibahkan.

Kesimpulan

Walaupun terdapat pelbagai pendapat di kalangan fuqaha' mengenai isu hibah dengan syarat, secara teori, kita tidak terikat dan berpeluang untuk menerima salah satu daripada pendapat mereka. Ini disebabkan amalan hibah tidak termasuk dalam perkara yang berkaitan dengan akidah, tetapi merupakan salah satu amalan muamalat yang tidak merosakkan akidah. Penambahan syarat semasa memberi hibah semakin menjadi amalan yang lumrah dalam masyarakat. Penentuan sebarang syarat yang tidak mengandungi elemen zalim atau menafikan tujuan hibah adalah diterima, termasuklah syarat seperti 'umra' dan 'ruqba'. Selain itu, syarat-syarat tersebut perlu selaras dengan dasar syarak dan tidak mengandungi unsur yang haram. Pemahaman terhadap konsep hibah menjadi sangat penting dalam masyarakat sebagai persediaan ilmu perancangan harta, membolehkan harta yang dimiliki untuk diagihkan secara efektif tanpa menindas mana-mana pihak. Berdasarkan perbincangan di atas, adalah jelas bahawa perlunya suatu undang-undang yang khusus mengenai pemberian hibah dan

pentadbirannya. Dengan adanya undang-undang khusus ini, dapat mengurangkan kekeliruan dan meningkatkan kewibawaan Mahkamah Syariah serta memperkuat kredibilitinya dalam masyarakat ketika membuat keputusan mengenai isu-isu yang melibatkan hibah. Tambahan pula, undang-undang ini dapat menjadi panduan bagi masyarakat yang berkeinginan untuk membuat hibah secara peribadi, sehingga hibah yang dilakukan menjadi lebih teratur dan sistematik. Ini turut membantu masyarakat dalam pengurusan harta secara lebih efisien.

Rujukan

- Abdul Halim El-Muhammady. (2006). *Undang-undang muamalat dan aplikasinya kepada produk-produk perbankan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Karim Zaidan. (1997). *Nizam al-qadha' fi al-shariah al-Islamiyyah* (3rd ed.). Risalah Publisher.
- Akmal Hidayah Halim, Badruddin Hj. Ibrahim, & Farid Sufian Shuaib. (2009). *Undang-undang harta dan amanah*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Fayyumi. (1926). *Al-Misbah al-Munir* (Vol. 1, p. 97). Al-Matba'at al-Amiriyyah.
- Fatimah Hj. Mohd Nong v. Mohd Azmi Mohd Yaacob & Others, [2011] 1 CLJ SYA 285.
- Halim, A. H., & Bustami, T. A. A. (2017). Pelaksanaan hibah amanah sebagai suatu instrumen pengurusan harta Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 29(2), 310–335.
- Ibn Faris. (1969). *Mu'jam al-maqayis al-lughat* (Vol. 1, p. 327). Maktabah al-Babi al-Halabi.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1961). *Al-Turuq al-hukmiyyah fi siyasa al-shar'iyah*. Mu'assasat al-'Arabiyyah.
- Ismail, R. (2022). *Pelaksanaan hibah amanah dan hibah harta bercagar di institusi perancangan harta di Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Jariah Yahya & Ors. v. Nor Hasiah Harun, [2010] 3 LNS 19.
- Kamarudin, M. K., & Alma'amun, S. (2013). Analysing the knowledge and practice of hibah (inter vivos gift) within the contextual form of Islamic estate planning in Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-8*, 1281.
- Kamarudin, M. K., Zaman, N., & Razak, R. M. (2019). Thematic analysis on the necessity of hibah law in Malaysia. *al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 16(1), 1–13.
- Kamus Dewan (4th ed.). (2013). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Saedon A. Othman. (2003). *Undang-undang keterangan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mai binti Jantan v. Marina binti Mohd Arif & Anor. (2006). *Jurnal Hukum*, 21(2).
- Mohd Zamro Muda. (2008). *Instrumen hibah: Analisis hukum dan aplikasi di Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008, JAKIM, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- Muda, M. Z., Rosdi, N., & Mohamed Said, N. L. (2023). Analisis perundangan dan kes hibah amanah di Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 23.
- Muda, M. Z., Rosdi, N. N., & Said, N. L. M. (2022). A literature review for the implementation of trust hibah for real property in Malaysia. *al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 27(1), 1–12.
- Muhamad, N. H. N. (2009). Elemen qabd (pindahan milikan) dalam hibah: Analisis keperluan dan pelaksanaannya mengikut perspektif undang-undang Islam. *Jurnal Syariah*, 17(2), 243–266.

- Othman, N. S. (2021). *Penghakiman hakim syarie dalam kes hibah bersyarat di Mahkamah Syariah* (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Othman, N. S., Said, N. L. M., Muda, M. Z., & Muhamad, N. H. N. (2017). Analisis kes amalan hibah bersyarat di Malaysia. *Islamiyyat*, 39(2), 135–142.
- Said, N. L. M., Awang, M. R., & Nor, A. H. M. (2012). Hibah dengan syarat balasan menurut pandangan fuqaha dan kedudukannya dalam undang-undang sivil Jordan. *Jurnal Syariah*, 20(3), 309–328.
- Syams al-Din Muhammad b. Muhammad al-Khatib al-Sharbini. (2000). *Mughni al-Muhtaj* (Vol. 2). Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Wilayah Persekutuan. (1997). *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997* (Akta 561).

Menurut undang-undang Islam, hibah merupakan salah satu instrumen penting dalam perancangan harta. Hibah membawa maksud pemberian hadiah yang diberikan kepada seseorang atas dasar kasih sayang tanpa mengharap balasan daripada orang tersebut. Hibah dilihat sebagai satu instrumen yang amat digalakkan jika ia dipraktikkan dengan cara yang betul mengikut kehendak syarak, maka ia mampu mengelakkan berlaku pertelingkahan dan perebutan harta. Selain itu, hibah juga dapat membantu golongan yang memerlukan dan golongan yang mungkin tidak berhak melalui faraid. Terdapat tanggapan bahawa dengan melakukan hibah maka ia telah menyalahi ketetapan hukum faraid. Tanggapan ini tidak tepat kerana instrumen ini juga sebenarnya diberi fokus dan tempatnya yang tersendiri di dalam Islam. Walau bagaimanapun instrumen hibah ini agak kurang dikenali berbanding dengan perancangan harta yang lain. Tambahan pula, segelintir masyarakat Islam menyangkakan bahawa hanya wasiat dan faraid sahaja cara yang terbaik dalam menguruskan dan merancang harta pusaka maka cara hibah ini kurang mendapat perhatian.

According to Islamic law, hibah is an important instrument in estate planning. Hibah refers to the act of giving a gift to someone out of love and affection without expecting anything in return. It is regarded as a highly encouraged instrument, and when practised correctly in accordance with the requirements of the Shariah, it can prevent disputes and conflicts over property. In addition, hibah can serve as a means to assist individuals in need, including those who may not be entitled to inheritance through faraid. There is a common misconception that practising hibah contradicts the rules of faraid. This assumption is inaccurate because hibah has its own legitimate position and function within Islamic law. Nevertheless, this instrument remains relatively less known compared to other estate planning mechanisms. Furthermore, some Muslims assume that only wills (wasiat) and faraid are the best methods for managing and planning inheritance, resulting in hibah receiving less attention.